

TRANSKRIP

PROGRAM KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN CINTAILAH

NEGARA KITA

UCAPAN OLEH:

YAB DATUK SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

PERDANA MENTERI MALAYSIA

01 MAC 2010

DISEDIAKAN OLEH :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PENTADBIRAN AM

JABATAN PERDANA MENTERI

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

- 1. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ahli-ahli Yang Berhormat warga Jabatan Perdana Menteri yang saya hormati sekalian.**
- 2. Seperti mana kita sedia maklum, prestasi suku terakhir tahun sudah, ekonomi negara telah pun diumumkan oleh kerajaan, di mana pencapaian luar biasa telah dapat dicapai oleh negara kita dari segi pengembangan ekonominya. Tahap pengembangan sebanyak 4.5% adalah satu pencapaian yang luar daripada jangkaan hampir semua pihak.**
- 3. Ini bererti bahawa kita akan menutup tahun 2009 dengan pengucupan hanya 1.7% sahaja berbanding dengan jangkaan awal sebanyak -5% dan seterusnya kita telah *revise* kepada -3%. Walaupun kita telah mencapai pengembangan ekonomi yang baik, terutama sekali pada suku akhir tahun 2009, tetapi oleh kerana persekitaran global masih belum lagi pulih sepenuhnya dan sektor swasta belum dapat memainkan peranan secara optima. Maka peranan sektor awam masih penting lagi. Masih perlu ditekankan kerana kalau kita dapat menjadi penggerak utama kepada pemulihan sepenuhnya, maka tahun 2010 ini, saya harap akan merupakan tahun di mana kita dapat mencapai pertumbuhan yang lebih baik daripada apa yang telah diramalkan.**
- 4. Apabila pengumuman yang telah dibuat tentang pencapaian suku terakhir tersebut, maka ramai penganalisa ekonomi telah pun membuat unjuran semula, telah *revise* sasaran mereka daripada 3.5%, ada kata 4%, yang dulu kata 4% sekarang ini kata 4.8% dan sebagainya.**
- 5. Saya berharap bahawa kita akan berusaha sedaya upaya dan menggerakkan jentera kita sepenuhnya supaya kita dapat mencapai 6% pada tahun ini. Saya tidak fikir ini satu yang luar daripada kemampuan kita.**

Saya yakin kalau kita bekerja dengan bersungguh-sungguh daripada mula kita buat *strategic planning*, kita dapat mengeluarkan, melahirkan idea-idea yang bernas dan kita buat perancangan yang teratur dan pelaksanaan yang berkesan, *execution* yang begitu baik dan kita buat *monitoring* yang juga dapat mengesan kekuatan dan kelemahan kita, saya percaya kita akan dapat melakukan sesuatu yang luar daripada jangkaan ataupun *beyond our expectation*.

6. Umpamanya, kita lihat dari segi usaha kita memulihkan ekonomi. Kita telah memperkenalkan dua pakej ransangan. Dalam kedua-dua pakej ransangan itu, terdapat 113 ribu pelbagai jenis projek. Cuba bayangkan, 113 ribu daripada yang besar kepada yang kecil telah pun dilancarkan oleh kerajaan dan memanglah sebelum ini sukar bagi kita hendak menggambarkan kemampuan kita tetapi kita telah buat.
7. Selain daripada projek-projek tersebut, yang telah memberi kesan kepada pengembangan ekonomi negara, dengan *multiplier effect* nya dan sebagainya, kita menyediakan pembiayaan kredit yang mudah sebab sistem kewangan kita ini kukuh, *availability of credit* pun amat penting dan kita cuba untuk memberi kelulusan kepada permohonan sektor swasta dan sebagainya. Inilah di antara faktor-faktor yang telah menjadi penyebab kepada pemulihan kita yang luar daripada jangkaan.
8. Saya berharap bahawa kita akan memberi tumpuan kepada usaha ini, supaya ekonomi kita, pembangunan ekonomi yang mapan pada tahap yang boleh dikatakan tinggi dapat kita capai pada tahun ini dan seterusnya.
9. Seperkara yang saya ingin sentuh hari ini, bulan lalu saya sebut tentang empat tunggak agenda kerajaan-*The Four Pillars* dari segi agenda kerajaan iaitu “Gagasan 1Malaysia”, “*Government Transformation Program*”, “*New Economic Model*” dan “Rancangan Malaysia Ke-10”. Saya juga sebut tentang dua proses-*thought process*, *action process* yang amat penting.

Satu, “Inovasi dan Kreativiti” supaya kita sentiasa mencari *innovative, creative solution*. Kedua, saya tekankan “*The speed of making decision*”-*speed of making an execution*, dua perkara.

10. Hari ini saya hendak sebut tentang satu, yang ada kaitan dengan perkara-perkara tersebut iaini soal “*Value for money*”. “*Value for money*” ini bererti bahawa kita boleh mencapai sesuatu matlamat, sesuatu program, projek dengan kos yang lebih rendah tanpa kita tidak mencapai apa yang kita hasratkan dari segi objektif kita. Saya boleh beri satu dua contoh antaranya ialah Klinik 1Malaysia, iaini ada unsur kreativiti, inovasi sebab ini satu program yang belum lagi dapat kita fikirkan sebelum ini.
11. Yang kedua, *there is value for money*, sebab kita dapat mendirikan 50 buah klinik dengan perbelanjaan RM10 juta sahaja. Itu satu *example of innovation and value for money*. Ada satu lagi ialah Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini. Saya difahamkan oleh Menteri Agama bahawa, apabila kerajaan mengurangkan bajet untuk sambutan ini daripada RM2.2 juta, hanya lebih kurang RM500 ribu, mereka tidak merungut, sebaliknya mereka buat program di dalam Masjid Putrajaya. Apabila buat program dalam masjid, belanjanya hanya RM500 ribu sahaja. Berkat pun lebih buat dalam masjid, belanja pun kurang. Saya rasa dari segi *significance* majlis itu boleh dikatakan sama juga dengan perbelanjaan RM2.2 juta malah lebih sebab kita berada dalam sebuah masjid dengan rasa kesucian masjid itu terasa bagi kita semua.
12. Jadi, walaupun contohnya kecil tetapi maknanya kita tidak merungut. Banyak *department* apabila potong sahaja perbelanjaan, mereka merungut dan membebel. Tetapi sebenarnya kalau kita ambil sikap yang positif, kita boleh mencari jalan bagaimana objektif boleh dicapai dengan perbelanjaan yang minima sebab ini membantu proses pemulihan ekonomi negara.

13. Apabila fiskal, defisit kerajaan dapat kita kurangkan daripada 7.4%, 7% tahun ini, 5.6% dan sebagainya, kita akan meletakkan asas-*fundamental* yang lebih mantap, lebih kukuh kepada ekonomi negara kita dan daripada situ, kita boleh melonjak kepada tahap yang lebih tinggi.

14. Inilah harapan saya supaya kita berfikir *in a more holistic manner* tentang apa yang patut kita lakukan. Mudah-mudahan ini semua boleh dicapai oleh kita dan penjawat-penjawat awam boleh respon secara positif. Perkara-perkara kecil lagi yang kalau boleh saya sebut ialah perhimpunan bulanan kali ini adalah antara yang terbaik yang saya dapat lihat sebab kalau saya sampai awal pun tiada lagi orang yang masih naik bukit, sebab kita semua mematuhi *precision timing*, kita patuh. Sepatutnya sampai ikut jadual, kita sampai ikut jadual. *It's a small change but it's a meaningful change.* Tahniah saya ucapkan kepada penjawat-penjawat awam. Saya percaya- *I always believe u can do it.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.